

11/07/2001

Kementerian disaran percepat senarai harga baru ubat

Yooga Rani Murugiah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Kesihatan diminta mempercepatkan penyenaraian harga baru ubat antiretroviral bagi membolehkan penghidap HIV membelinya pada harga yang lebih rendah.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata pada masa ini penghidap HIV terpaksa membeli ubat itu pada harga lama yang lebih mahal kerana harga barunya belum disenaraikan dalam buku biru kementerian berkenaan.

"Kita perlu memikirkan keadaan pesakit terutama yang tidak mampu dan memerlukan ubat serta-merta bagi mengurangkan kandungan virus HIV dalam darah," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan Yayasan Aids Malaysia sebanyak RM102,000 kepada Presiden Persatuan Pengasih Malaysia (PPM), Mohd Yunus Pathi Mohamad, di Rumah PPM, hari ini.

Sumbangan itu akan digunakan persatuan itu bagi menjalankan aktiviti dan projek bagi penghidap HIV dan Aids sepanjang tahun ini.

Marina berkata, dalam dialog yang diadakannya bersama Kementerian Kesihatan baru-baru ini, Menteri, Datuk Chua Jui Meng bersetuju meneliti permintaan MAM bagi memasukkan senarai harga baru ubat berkenaan dalam buku biru pada akhir bulan ini.

Selain itu, beliau berkata, banduan yang menghidap HIV tidak seharusnya disisihkan daripada banduan lain kerana ia akan memberi kesan stigma dan diskriminasi.

Katanya, semua pegawai dan kakitangan penjara perlu dilatih untuk mengendalikan penghidap HIV dan tidak seharusnya memandang rendah terhadap mereka.

"Tidak perlu meletakkan banduan yang menghidap HIV dan banduan lain berasingan, kerana seperti yang kita semua ketahui Aids tidak berjangkit. Yang penting, semua banduan dan pegawai penjara diberi pengetahuan mengenai virus itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai cadangan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Prof Hamdan Adnan supaya diadakan penjara khas bagi pembawa HIV dan Aids.

Menurut laporan MAM, sejak 1986 hingga April 2001, sebanyak 40,049 kes HIV dilaporkan di Malaysia membabitkan 37,891 penghidap lelaki dan 2,158 perempuan.

Selain itu, 5,103 pesakit Aids dikesan termasuk 4,750 lelaki manakala selebihnya perempuan. Dalam tempoh itu, 3,881 kematian dilaporkan.

(END)